



# جَاتِنْ كَهَاكِيمَنْ شَرْعِيَّةِ مَلِيُسِيَا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800

FAKS: 03-888 91627

---

JKSM /100-24/5 Jld. 3 ( 51 )

13 Rabiulawwal, 1427H/  
12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,  
Negeri-negeri Seluruh Malaysia


## Arahan Amalan No. 1 Tahun 2006 Amalan Hakam Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Amalan Hakam Mahkamah Syariah. Segala prosiding Hakam di dalam Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam hendaklah menggunakan pakai Amalan Hakam Mahkamah Syariah.

2. Bersama-sama ini disertakan Amalan Hakam Mahkamah Syariah untuk tindakan bagi pemakaian di negeri-negeri.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

azmee/aa1/2006

## **AMALAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH**

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Hakam Mahkamah Syariah seperti berikut:

### **1. Syarat-syarat seorang Hakam**

- (1) Hakam hendaklah terdiri daripada kalangan kaum kerabat daripada pihak suami dan pihak isteri yang pada pendapat Mahkamah mempunyai syarat-syarat atau kelayakan mengikut Hukum Syarak.
- (2) Mahkamah boleh melantik orang lain yang mempunyai kelayakan mengikut Hukum Syarak.

### **2. Tanggungjawab Hakam**

Hakam hendaklah menerima arahan Hakim bagi melaksanakan tanggungjawabnya di sisi Mahkamah antaranya seperti berikut:-

- (a) setiap hakam hendaklah memanggil prinsipal masing-masing bagi memperolehi punca-punca pertikaian.
- (b) kedua-dua hakam hendaklah mengadakan pertemuan dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian secara suluhan.
- (c) sekiranya pihak-pihak gagal menerima penyelesaian secara suluhan, hakam hendaklah berusaha memperolehi kuasa daripada prinsipal masing-masing sama ada melafazkan talaq atau secara khulu'.
- (d) melaporkan kepada Mahkamah hasil siasatan tersebut, bahawa didapati tiada perdamaian atau tiada keizinan daripada prinsipal untuk penceraian dan mencadangkan kepada Mahkamah supaya melantik Hakam lain untuk diberi kuasa penceraian.

### **3. Sabitan Syiqaq**

Mahkamah hendaklah mensabitkan syiqaq sentiasa berlaku dalam keadaan-keadaan tertentu termasuklah antaranya:-

- (a) perbalahan di antara suami isteri itu kadangkala terbitnya dengan sebab nusyuz isteri, atau dengan sebab kezaliman suami, atau dengan terbit kesamaran siapa yang benar di antara kedua-duanya atau berpunca dari kedua-duanya, berdusta atau menuntut yang bukan hak;
- (b) perbalahan di antara suami isteri dan sukar keduanya menjalankan aturan Allah yang ditetapkan atas suami isteri itu, tuduh menuduh mengenai masing-masing tidak melaksanakan hak-hak sebagai suami isteri;
- (c) isteri atau suami menuduh di antara keduanya berkawan dengan perempuan/lelaki yang telah melampaui hukum syarak ;
- (d) sering berlaku pertikaian hingga pukul memukul;
- (e) salah seorang keluar dari rumah kediaman, tidak tinggal bersama sedangkan punca sebenar tidak dapat dibuktikan oleh kedua-dua belah pihak di hadapan mahkamah;
- (f) tuduh menuduh di antara suami isteri mengenai anak-anak berkaitan dengan tanggungjawab masing-masing sehingga berlaku pertengkaran dan perselisihan yang berpanjangan;
- (g) jika didapati bahawa aduan isteri itu tidak sabit dan ditolak Mahkamah dengan sebab ia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan kemudian daripada itu isteri berulang-ulang membuat aduan dan Mahkamah mendapati pertikaian sentiasa berlaku di antara suami isteri tersebut,
- (h) apa-apa tindakan yang menyebabkan darar syarie ke atas isteri;

#### **4. Tatacara Pelantikan Hakam**

- (1) Sebelum melantik Hakam Mahkamah hendaklah -
  - (a) mensabitkan syiqaq sentiasa berlaku antara suami isteri di hadapannya.
  - (b) mengarahkan suami dan isteri mengemukakan seorang wakil dari pihak masing-masing kepada Mahkamah yang sesuai dan layak dilantik sebagai Hakam dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah dengan menggunakan Borang AH 1;

- (c) setelah kedua-dua pihak mengemukakan nama-nama wakil kepada Mahkamah, hakim hendaklah melantik dan mengisytiharkan sebagai hakam bagi kedua-dua pihak. Jika pihak-pihak gagal mengemukakan wakil masing-masing, Mahkamah akan melantik seorang hakam bagi setiap pihak seperti dalam Borang AH2;
- (d) jika salah satu pihak gagal mengemukakan wakil, Mahkamah mempunyai kuasa untuk melantik hakam bagi pihak yang gagal mengemukakan wakil tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Arahan 1.

## **5. Tatacara dan tempoh perjalanan penimbangtaraan**

- (1) Sesuatu tempoh perjalanan penimbangtaraan pada peringkat permulaan tidaklah boleh dilangsungkan lebih daripada satu bulan dari tarikh perintah perlantikan Hakam;
- (2) Mahkamah boleh atas budibicaranya melanjutkan tempoh perjalanan penimbangtaraan jika difikirkan patut tidak melebihi satu bulan jika had masa yang diberikan di dalam sub Arahan (1) tidak dapat dipenuhi;
- (3) Hakam peringkat ini tidak berkuasa menceraikan suami isteri kecuali dengan keizinan kedua belah pihak suami isteri tersebut;
- (4) Jika Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara salah seorang atau kedua-dua Hakam menjalankan penimbangtaraan itu, Mahkamah boleh memecat salah seorang atau kedua-dua mereka dan melantik Hakam lain sebagai ganti;
- (5) Kuasa penuh daripada prinsipal mengikut subseksyen 48(5) Akta Undang-undang Keluarga Islam hendaklah diberikan kepada Hakam dengan menggunakan Borang AH3;
- (6) Mahkamah hendaklah memanggil pihak-pihak ke Mahkamah pada masa, tarikh dan tempat yang ditentukan dan pada peringkat ini, Hakim boleh memberarkan Hakam melafazkan talaq atau khulu’;
- (7) Jika Hakam tidak mendapat kuasa penuh daripada prinsipal mereka seperti mana sub Arahan 5, Mahkamah hendaklah melantik Hakam lain dan hendaklah memberi kuasa kepada Hakam menceraikan isteri itu dengan khulu’ seperti dalam borang AH 6;

(8) Mahkamah boleh membatalkan pelantikan mana-mana Hakam pada bila-bila masa sekiranya tidak berpuashati dengan cara pelaksanaan penimbangtaraan atau atas apa-apa sebab yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

(9) Mahkamah boleh atas budibicaranya melanjutkan tempoh perlaksanaan Hakam jika difikirkan patut tidak melebihi tempoh satu bulan jika had masa yang diberikan di dalam sub Arahan 2 tidak dapat dipenuhi.

## 6. Etika Hakam

(1) Hakam hendaklah –

(a) bersungguh-sungguh dan tidak melengah-lengahkan tanpa alasan yang munasabah menyelesaikan syiqaq dan mematuhi arahan yang dikeluarkan mahkamah;

(b) dalam menjalankan tugasnya melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak;

(2) Hakam tidak boleh –

(a) Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa -

i. Dia telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugasnya sebagai Hakam;

ii. Dia telah menggunakan kedudukannya bagi kepentingannya sendiri atau pihak ketiga.

(b) Berkelakuan dengan cara tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau mencemarkan nama baik Mahkamah;

(3) Jika didapati Hakam tidak mematuhi mana-mana etika tersebut di atas, Mahkamah bolehlah membatalkan perlantikannya.

## **7. Sighah Khul' di hadapan Mahkamah**

(1) Sighah yang dipersetujui oleh prinsipal dan dibenarkan oleh Mahkamah :-

(a) Lafaz Ijab Hakam pihak Suami hendaklah seperti berikut:

"Saya dengan kuasa yang diberi oleh (*nama suami*), menceraikan (*nama isteri*) dengan khul' sebanyak (*nilai ringgit*) ;

(b) Lafaz tersebut hendaklah diqabul dengan serta-merta oleh hakam pihak isteri seperti berikut:-

"Saya terima khul' bagi pihak (*nama isteri*) atas persetujuannya sebanyak (*nilai ringgit*) yang tersebut."

(2) Sighah yang diberi kuasa oleh Mahkamah kepada Hakam.

(a) Lafaz Hakam Bagi Pihak Suami :

"Saya dengan kuasa yang diberi oleh Mahkamah, bagi pihak (*nama suami*) menceraikan (*nama isteri*) dengan khul' sebanyak .....(*nilai ringgit*)"

(b) Lafaz Hakam Bagi Pihak Isteri:

"Saya sebagai Hakam bagi pihak (*nama isteri*), menerima khul' sebanyak .....(*nilai ringgit*) yang tersebut".

## **8. Kehadiran Pihak-pihak Dalam Majlis Tahkim**


(1) Suami isteri hendaklah hadir dalam Majlis Tahkim jika diperlukan oleh Hakam atau dengan perintah Mahkamah.

(2) Sekiranya satu pihak atau kedua-duanya gagal hadir dalam mana-mana prosiding Majlis Tahkim setelah dipanggil oleh Hakam atau diperintahkan oleh Mahkamah, kegagalan tersebut tidaklah menyebabkan prosiding terhenti.

## **9. Pemberhentian Prosiding Majlis Tahkim**

Prosiding Majlis Tahkim hendaklah terhenti sekiranya salah satu pihak mati atau disahkan gila atau atas sebab-sebab lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak.

Bertarikh 12 April, 2006



**DATUK SHEIKH GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

BORANG AH 1  
ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
NOTIS PERWAKILAN DAN PENERIMAAN HAKAM  
( Arahah 4(1) (b) )

Saya .....(nama , No. Kad Pengenalan Plaintiff atau /Defendant ..... ) dengan ini mewakilkan kepada ( ..... nama , No. KP Hakam) sebagai Hakam bagi pihak saya dalam kes no. ..... di Mahkamah ..... untuk mengisahkan / talaq / khul' \* dengan pasangan saya mulai dari tarikh ..... sehingga dibatalkan oleh saya atau oleh Mahkamah.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20....

.....  
Tandatangan Pihak Yang Melantik

\*potong mana yang tidak berkenaan

---

Saya .....( nama dan No.K/P. Hakam) dengan ini menerima pelantikan yang tersebut di atas.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20....

.....  
Tandatangan Hakam Yang Dilantik

Meterai

Di hadapan.

.....  
( Hakim/Pendaftar )

BORANG AH 2  
ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
( Arahan 4 (1) (c) )  
NOTIS PELANTIKAN HAKAM  
( Tajuk Am )

AMBIL PERHATIAN, bahawa ( nama dan No. Kad Pengenalan Hakam pihak-pihak ) telah dilantik sebagai Hakam kepada (nama pihak-pihak) , No. Kad Pengenalan ..) dalam kes .....(no. kes) di Mahkamah ..... mulai tarikh ..... sehingga tarikh yang akan dimaklumkan mahkamah kemudiannya.

Bertarikh .....haribulan ..... 20....

Meterai

( ..... Hakim / Pendaftar ..... )

BORANG AH 3

ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
( Arahah 5(5) )

NOTIS PERWAKILAN DENGAN KUASA PENUH DAN PENERIMAANNYA

(TAJUK AM)

Saya .....(Nama , No. Kad Pengenalan Plaintiff atau /Defendant ..... ) dengan ini mewakilkan ( ..... Nama , No. Kad Pengenalan Hakam) sebagai Hakam bagi pihak saya dalam Kes No. ..... di Mahkamah ..... dengan kuasa penuh sama ada untuk mengislahkan atau menceraikan saya dengan pasangan saya.

Bertarikh .....haribulan .....

.....  
Tandatangan Pihak Yang Melantik

\*potong mana yang tidak berkenaan

---

Saya .....( nama dan No.K/P . Hakam) dengan ini menerima pelantikan yang tersebut di atas.

Bertarikh .... haribulan ..... 20....

.....  
Tandatangan Pihak Yang Dilantik

Meterai

Di hadapan.

.....  
(Hakim/Pendaftar)

BORANG AH 4  
ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
NOTIS PENARIKAN DIRI HAKAM  
(Arahan )

Kepada Hakim / Pendaftar\*

Ambil perhatian bahawa saya .....(nama , no. Kad Pengendalian Hakam) dengan ini menarik diri dan terhenti dari menjadi hakam yang bertindak bagi pihak ( ..... Nama , no. KP Pihak Yang Diwakili) yang tersebut dalam prosiding (.....No. Kes.....) di Mahkamah berkuatkuasa pada tarikh notis ini.

Bertarikh .....haribulan ..... 20....

.....  
Tandatangan Hakam

Meterai

Di hadapan

.....  
( Hakim / Pendaftar)

BORANG AH 5

ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
(Arahan 7(3) )

NOTIS PEMECATAN HAKAM

Ambil perhatian bahawa saya (Hakim Mahkamah.....) dengan kuasa yang diberi kepada saya dengan ini memecat dan membatalkan perlantikan hakam yang berikut :

Nama, no. KP .....

Hakam pihak suami

Nama, no. KP .....

Hakam pihak isteri

Bertarikh .....haribulan ..... 20....

Meterai

Di hadapan.

.....  
( Hakim )

BORANG AH 6

ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
( Arahan 5 (7) )

NOTIS PELANTIKAN HAKAM OLEH HAKIM

Ambil perhatian saya .....hakim mahkamah .....dengan kuasa yang diberi kepada saya, melantik ( ..... nama , no. KP, Hakam) sebagai Hakam bagi pihak suami / isteri (nama, KP.....hakam) dalam kes mal no. .....di Mahkamah ..... dengan kuasa yang penuh untuk menceraikan pihak-pihak.

Bertarikh .....haribulan ..... 20....

Meterai

.....  
( Hakim )

---

Saya .....( nama dan No.K/P . Hakam) dengan ini menerima pelantikan yang tersebut di atas.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20....

.....  
Tandatangan Hakam

BORANG AH 7  
ARAHAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH  
( Aahan 2(d) )

BORANG LAPORAN HAKAM

Bahawa saya (Nama Hakam) dengan ini melaporkan kepada Mahkamah hasil Majlis Tahkim yang telah dilangsungkan pada tarikh ..... di ..... adalah seperti berikut :-

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

\*\*( Tandatangan Hakam Pihak Suami)

\*\*(Tandatangan Hakam Pihak Isteri)

Bertarikh .....

*\*\* potong mana yang tidak berkenaan*